


PROF Dr Shariff (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Taib diperhatikan Zamri (kiri).



PENGARAH Jabatan Penyiarian, Ramlah Johari menerima cenderamata daripada Prof Dr Shariff



ZAMRI (kiri) memerhatikan Prof Dr Shariff menyampaikan cenderamata kepada Pengerusi Penggiat Media Labuan, Jainudin Djimin

Media bantu promosi kegiatan mahasiswa

4B 06.05.2012 B4

SEJAK ditubuhkan pada Mei 1999, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah mengeluarkan kira-kira 5,280 graduan yang berjaya dalam bidang masing-masing dan menjawat jawatan yang tinggi di sektor awam, swasta, perbankan dan bekerja sendiri.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, berkata sejak beroperasi 12 tahun lalu, UMS-KAL turut membantu menjana ekonomi tempatan dari segi pembangunan fizikal, pertambahan penduduk, industri pelancongan, perumahan, pengangkutan, telekomunikasi, peluang kerjaya, perniagaan dan kraftangan.

"Kewujudan UMS-KAL turut menaikkan semangat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi walaupun kita sedari mereka mahu belajar di IPTA/IPTS di tempat lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012 di Hotel Waterfront, malam Jumaat lalu.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan cenderamata kepada pengamal media, kakitangan Jabatan Penyiarian dan Jabatan Penerangan yang banyak membantu mempromosi kegiatan mahasiswa dan kakitangan di akbar tempatan dan media elektronik.

Turut hadir isteri Shariff, Wan Azmona Wan



PROF Dr Shariff (5 kanan), Zamri (3 kanan) bersama Pengamal Media, Mohd Taib (empat kiri) dan Ramlah (dua kiri)



KAKITANGAN Jabatan Penerangan merakam kenangan bersama Pengarah UMS-KAL (tiga kanan).

Mohamed, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Mohd Taib Ubah, Pengarah

Jabatan Penyiarian Labuan, Ramlah Johari dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Prof Dr Shariff berkata ketika ini terdapat kira-kira 2,100 mahasiswa termasuk 176 pelajar antarabangsa dari China, Timur Tengah, Turki dan Tanzania serta enam pensyarah dari Bangladesh dan seorang dari

Jepun.

Katanya, kewujudan UMS-KAL juga telah merubah landskap pembangunan Labuan apabila terbinanya padang golf 18 lubang yang terletak bersebelahan universiti di Kiamsam yang pada satu ketika dahulu dikatakan agak jauh dari pusat bandar.

Beliau berkata UMS-KAL yang terletak kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar, kerajaan Pusat melalui

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan yang besar untuk membina projek prasarana untuk kemudahan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan universiti berkenaan.

"Antara projek tersebut ialah pembinaan Dewan Kuliah Pusat, menaiktaraf kolej kediaman pelajar, membina laluan berbumbung, menaiktaraf kemudahan sukan dan bilik kuliah serta bilik pensyarah," katanya.

Dalam ucapannya, Prof Dr Shariff bagi pihak Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, pegawai, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengamal media yang telah berusaha bersungguh-sungguh membantu menjayakan program di UMS-KAL.



PROF Dr Shariff (3 kanan) dan Zamri (dua kanan) bersama kakitangan Jabatan Penyiarian Labuan yang hadir pada Majlis Penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012.

"Komitmen dan penglibatan pengamal media menjayakan aktiviti UMS-KAL berjaya membantu mempromosi dan memperkenalkan UMS-KAL ke seluruh pelosok negara terutama di Semenanjung, Sabah dan Sarawak selain Labuan sendiri," katanya.

Beliau yakin dengan sumbangan yang tidak ternilai harganya daripada pihak media itu, nama dan imej UMS-KAL sebagai satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan akan terus dikenali oleh rakyat Malaysia.

Dr Shariff berharap majlis itu akan membuka satu lagi lembaran baru kepada hubungan lebih erat antara UMS-KAL dengan pengamal media dalam mempromosi kegiatan mahasiswa dan kakitangan.

Bagaimanapun, beliau mengharapkan pihak media tidak menghubungi mahasiswa atau kakitangan bagi mendapatkan maklumat berkaitan universiti tetapi sebaliknya menghubungi beliau atau Zamri bagi mengelak maklumat berkenaan tidak benar



PERSEMBAHAN pelajar memeriahkan Malam Penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012 di Hotel Waterfront, malam kelmarin.



AHLI Jawatankuasa Pelaksana Penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012.

dan kurang tepat sehingga menjaskan nama dan imej universiti.

Pada majlis itu, Shariff mengal-uakan jalinan kerjasama yang berterusan kepada tenaga akademik dan tenaga sumber manusia.

serta bersedia memberikan sebarang bantuan kepada pihak media, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiarian dari segi kepakaran tenaga akademik dan tenaga sumber manusia.